

Alam semula jadi dorong anak cergas, lebih kreatif

Hari Bumi atau Earth Day disambut setiap tahun pada 22 April. Ia mula disambut pada tahun 1970 di mana mereka yang menyambutnya akan menunjukkan sokongan padu ke atas aktiviti perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar. Denis Hayes, penyelaras asal Hari Bumi pada tahun 1970 mengantarabangsakan Hari Bumi dan mengendalikan aktiviti di 141 negara.

Pada masa ini, Hari Bumi menjadi semakin penting dan kesedaran mengenai impak perubahan iklim bukan sahaja dalam kalangan rakyat marhaen tetapi juga dunia kewangan korporat.

McKinsey, firma perunding yang menilai keputusan pengu-
rusan bukan sahaja untuk syarikat besar tetapi juga kerajaan beberapa negara dalam laporan terkininya memetik tulisan Henry Paulson Jr, Bekas Pengerusi dan Ketua Eksekutif Goldman Sachs yang menyatakan bagaimana Perdana Menteri China, Li Keqiang, mengisytiharkan perang ke atas pencemaran dan melancarkan rancangan reformasi ekonomi bagi memastikan pembangunan mapan yang juga memelihara alam sekitar.

Kesan tindakan positif Li mengakibatkan perubahan polisi dalam kalangan pemimpin lain di negara berkenaan.

Di mana kita pada Hari Bumi 2015? Sungai kita semakin tercemar. Hutan kita semakin gundol. Negara maju mampu

menjaga sungai dan alam sekitar mereka walaupun pembangunan mereka terus pesat. Lihat kebersihan sungai di kota besar seperti New York, London, Paris dan Chicago. Adakah kita ingin kekal dengan mentaliti negara ketiga walaupun Malaysia sudah dianggap maju oleh banyak negara di luar sana?

Ekosistem diancam aktiviti pembangunan

Saya berkesempatan menyambut Hari Bumi tahun ini bersama rakan dan pelajar di Universiti Islam Antarabangsa. Sungai Pusu membelah kampus kami seperti Sungai Cam mengalir di Kampus Universiti Cambridge. Malangnya Sungai Pusu berwarna kopi susu dan ekosistemnya diancam oleh aktiviti pembangunan di sekeliling kawasan universiti.

Walaupun aduan demi aduan dibuat, tiada siapa yang mahu bertanggungjawab ke atas sungai ini. Sewaktu saya menulis surat meminta sokongan untuk aktiviti Hari Bumi kami, hanya beberapa syarikat yang secara spontan memberi sokongan baik dari segi kewangan mahupun moral.

Pihak yang terabit dengan sungai, pembekalan air, wakil rakyat dan kementerian berkaitan tidak langsung memberikan reaksi. Maka terfikir oleh saya adakah mereka yang memenuhi

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my



Pelajar UIA menanam pokok ke di tebing Sungai Pusu pada aktiviti yang dianjurkan **sempena Hari Bumi**.

kerusi tanggungjawab ini benar-benar faham skop pekerjaan mereka dan jika sungai dan kebersihan punca air kita bukan isu utama mereka, apakah kerja mereka sebenarnya?

Sewaktu sibuk membuat perediaan mencantikkan kawasan tebing sungai di kampus kami, saya terbaca artikel yang ditulis Pensyarah dan Pakar Psikologi Klinikal, Alex Lui An Lieh, mengenai *Gangguan Kurang Pendedahan Kepada Alam Sekitar (Nature Deficit Disorder)* Dalam *Kalangan Kanak-Kanak Kota* (tetapi semakin mempengaruhi kanak-kanak di luar bandar juga).

Sebahagian daripada impak gangguan ini ialah kanak-kanak akan hilang daya kreativiti mereka, mudah murung, mudah sakit, mudah rasa tertekan, myopia, cenderung untuk menjadi obes dan tidak mudah dapat menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan.

Kita tidak mahu kerana ke-

banyakan kawasan perumahan tidak meninggalkan sedikit pun kawasan hutan untuk diterokai oleh kanak-kanak kota (tiada lagi pokok untuk dipanjat dan anak berudu untuk ditangkap), kita akan melahirkan generasi yang tidak lagi dapat menghargai alam semula jadi yang sebenarnya boleh membantu perkembangan kognitif mereka.

Kesan positif mendampingi alam sekitar

Claudia Almandoz di dalam artikelnya yang bertajuk *Nature's Role in the Cognitive Development of Children (Peranan Alam Semula Jadi Di dalam Pembangunan Kognitif Kanak-kanak)* mendapati kanak-kanak yang mempunyai simptom ADHD (*Attention Deficit Hyperactive Disorder*) akan mudah menumpukan perhatian selepas mendampingi alam sekitar.

Semakin terdedah seseorang kanak-kanak itu kepada dunia semula jadi dan dunia hijau,

semakin tinggi ujian konsentrasi dan semakin tinggi disiplinnya. Kanak-kanak yang bermain dengan alam semula jadi menunjukkan tahap cergas yang tinggi dan tidak mudah sakit. Pendedahan yang lebih terhadap alam semula jadi mengurangkan sikap suka membuli dalam kalangan kanak-kanak.

Kanak-kanak ini akan mempunyai daya imaginasi yang tinggi dan sikap yang positif terhadap kanak-kanak lain. Mereka juga mudah berinteraksi dan bersosial dengan kanak-kanak lain dan akan mempunyai sikap yang lebih berdikari dan pemerhatian yang tinggi.

Kita perlu mengembalikan alam semula jadi kerana ia membantu kita untuk hidup sebagai manusia. Selamat Hari Bumi!

Profesor Dr Nor Faridah Abdul Manaf,

Pengarah, Sambutan Hari Bumi 2015
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.